



SOP AKTIVITI MASJID & SURAU SEPANJANG RAMADHAN DI PAHANG

TARIKH MULA KUAT KUASA: 12 APRIL 2021 – 12 MEI 2021

AKTIVITI DIBENARKAN

- Solat Tarawih Berjemaah Di Masjid & Surau

Tidak Dibenarkan

- Imam dari luar negeri Pahang termasuk di pondok dan maahad tahfiz;
- Penyertaan Pelajar dari Sekolah Berasrama.
- Jemaah dibawah umur 7 tahun.
- Tazkirah tarawih;
- Aktiviti berkumpul sebelum & selepas solat.
- Solat tarawih di luar kariah/lokasi/lokaliti ahli

ARAHAN TETAP

- Peraturan 16 P.U. (A) 66/2021
- Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Sehingga 10.30 malam	Kehadiran Jemaah	Bersyarat
---------------------	--------	---------------------------	----------------------	------------------	-----------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Perkara	Penerangan Ringkas
Aktiviti solat berjemaah: <i>Solat sunat Tarawih</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bermula dengan solat Isyak berjemaah; • Solat sunat Tarawih, witr, wirid, tahlil dan doa adalah dibenarkan dan hendaklah tamat pada jam 10.30 malam ; • Setiap jemaah hendaklah hadir solat sunat Tarawih di masjid/surau/pusat komuniti setempat di dalam kariah/lokasi/lokaliti/asrama sekolah masing-masing ; • Jumlah jemaah berdasarkan kapasiti ruang solat yang disediakan dengan kawalan oleh pihak pengurusan masjid dan surau; • Pihak masjid / surau bertanggungjawab memastikan SOP sentiasa dipatuhi.



SOP AKTIVITI MASJID & SURAU SEPANJANG RAMADHAN DI PAHANG

TARIKH MULA KUAT KUASA: 12 APRIL 2021 – 12 MEI 2021

AKTIVITI DIBENARKAN

- Aktiviti / Ibadah Khas Sempena Ramadhan

Tidak Dibenarkan

- Penceramah / jemputan dari luar negeri Pahang.
- Penyertaan pelajar dari sekolah berasrama.
- Jemaah dibawah umur 7 tahun.
- Bermalam di masjid / surau.
- Aktiviti berkumpul selain tujuan ibadah Ramadhan yang dibenarkan.

ARAHAN TETAP

- Peraturan 16 P.U. (A) 66/2021
- Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	3.00 pagi dan selepas solat Subuh hingga sebelum solat Maghrib	Kehadiran Jemaah	Bersyarat
---------------------	--------	---------------------------	--	------------------	-----------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Perkara	PENERANGAN RINGKAS
Aktiviti Khas Mengimarahkan Ramadhan: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Tazkirah</i> - <i>Tadarus & Khatam Al-Quran</i> - <i>Qiamullail</i> - <i>Kaunter Zakat Fitrah</i> 	<p>Tazkirah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan: Selepas solat Zuhur dan sebelum solat Jumaat; • Tempoh maksimum 15 minit sahaja. <p>Tadarus dan Khatam Al-Quran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh: Selepas solat Subuh hingga sebelum solat Maghrib. <p>Qiamullail</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan pada 10 malam terakhir sahaja; • Bermula jam 3.00 pagi hingga solat subuh. <p>Kaunter Zakat Fitrah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh: Selepas solat Subuh hingga sebelum solat Maghrib (tertakluk pada SOP yang dikeluarkan oleh MUIP).



SOP AKTIVITI MASJID & SURAU SEPANJANG RAMADHAN DI PAHANG

TARIKH MULA KUAT KUASA: 12 APRIL 2021 – 12 MEI 2021

AKTIVITI DIBENARKAN

- Aktiviti Jamuan Sempena Ramadhan

Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	-	Kehadiran Jemaah	Bersyarat
---------------------	--------	---------------------------	---	------------------	-----------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Perkara	PENERANGAN RINGKAS
Aktiviti Khas Jamuan Ramadhan: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Iftar</i> - <i>Moreh</i> - <i>Sahur</i> 	<p>Iftar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk majlis-majlis tertentu, pihak masjid / surau hendaklah menyediakan makanan secara berbungkus yang diletakkan di tempat yang disediakan mengikut SOP penjarakan fizikal (tempat yang telah ditandakan oleh pengurusan masjid / surau) dengan kebenaran Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM); • Untuk iftar harian, hanya minuman dan makanan ringan disediakan di ruangan yang telah ditandakan; • Agihan makanan harian secara berbungkus (jika ada) hendaklah dibuat selepas solat Maghrib oleh pihak pengurusan masjid / surau dan perlu dibawa pulang. <p>Moreh</p> <ul style="list-style-type: none"> • Makanan berbungkus secara agihan oleh pihak pengurusan masjid / surau dan bawa pulang sahaja. <p>Sahur</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan pada 10 malam terakhir sahaja;

Tidak Dibenarkan

- Secara bufet;
- Jemaah dibawah umur 7 tahun;
- Aktiviti berkumpul selain tujuan ibadah Ramadhan yang dibenarkan;
- Penyediaan makanan secara gotong-royong di masjid / surau.

ARAHAN TETAP

- Peraturan 16 P.U. (A) 66/2021
- Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.



SOP AKTIVITI MASJID & SURAU SEPANJANG RAMADHAN DI PAHANG

TARIKH MULA KUAT KUASA: 12 APRIL 2021 – 12 MEI 2021

PERKARA

- Penguatkuasaan / Pemantauan & Pembatalan / Penarikan Kebenaran Pelaksanaan Aktiviti di Masjid & Surau

SEBAB PEMBATALAN KEBENARAN AKTIVITI MASJID / SURAU

- Gagal mematuhi SOP
- Gagal mengawal jemaah
- Jumlah peserta / jemaah melebihi kapasiti dibenarkan
- Aktiviti yang dilakukan di luar waktu aktiviti dibenarkan.

ARAHAN TETAP

- Peraturan 16 P.U. (A) 66/2021
- Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Pemantauan	Bila-bila masa mengikut keperluan	Syarat	Secara Berpasukan
---------------------	--------	------------------	-----------------------------------	--------	-------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Perkara	PENERANGAN RINGKAS
<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan pada bila-bila masa oleh pasukan pemantau pematuhan SOP 	<p><u>Pemantauan Pihak Berkuasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Semakan mengejut oleh pasukan pemantauan; • Pematuhan kepada SOP oleh pengurusan masjid / surau dan jemaah; • Bawa sejadah sendiri bersaiz besar (minimum 110 cm X 70 cm), pakai pelitup muka, imbas suhu dan daftar menggunakan aplikasi MySejahtera / PahangGo / buku kehadiran; • Individu bergejala tidak dibenarkan menyertai aktiviti; • Pihak masjid / surau hendaklah mematuhi pekeliling, arahan sedia ada dan arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh pihak JAIP / MUIP. <p><u>Berlaku Kes Jangkitan / Pelanggaran SOP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika mana-mana masjid / surau yang didapati gagal mematuhi SOP yang ditetapkan DAN disahkan berlakunya penularan di masjid / surau disebabkan aktiviti Ramadhan yang dibenarkan, kebenaran untuk aktiviti Ramadhan akan ditarik / dibatalkan sehingga dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.